

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 1991/92

Oktober November 1991

FEL 405 Pengurusan Farmasi Hospital

Masa: (2 jam)

Kertas ini mengandungi LIMA soalan.

Jawab EMPAT (4) soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

1. (A) Matlamat akhir sesuatu perkhidmatan maklumat drug (DIS) ialah mencapai terapi drug yang rasional. Apakah tujuan terapi drug yang rasional dan huraiakan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan drug untuk mencapai matlamat ini.

( 5 markah)

- (B) Seorang pegawai farmasi yang bertugas di DIS telah menerima satu pertanyaan melalui telefon daripada seorang pakar perubatan. Pertanyaannya ialah "Bolehkah leukopenia diinduksikan oleh fenotiazin?". Tanpa bertanya sebarang soalan, pegawai farmasi itu terus menggunakan sistem komputer MEDLINE bagi tahun 1990 dan 1991 untuk mendapatkan jawapan. Lima minit kemudian beliau pun menelefon kembali pakar perubatan tersebut untuk memberikan jawapannya.

Berikan komen anda mengenai cara pegawai farmasi itu mengendalikan pertanyaan daripada pakar perubatan. Seterusnya, jika anda bertugas di DIS ketika itu. Bincangkan dengan memberi contoh-contoh yang sesuai bagaimana anda akan mengendalikan pertanyaan tersebut.

(15 markah)

- (C) Anda telah diminta untuk memberi pendapat mengenai satu kajian yang telah disiarkan di dalam majalah perubatan. Terangkan bagaimana anda menilai literatur itu.

( 5 markah)

... 3/-

2 (A) Encik MA, 56 tahun, seorang pesara, mengalami hipertensi sejak 8 tahun yang lalu. Beliau datang ke klinik mengadu kekaburuan mata dan sakit kepala.

Anda memperolehi maklumat berikut semasa melakukan kaunseling:

Maklumat daripada klinik :-  
- BP 145/95 - 165/98  
- MA datang lewat daripada tarikh susulan.  
- Preskripsi :

Prazosin 3 mg tds x 3/12  
Frusemid 40 OM x 3/12  
Tablet Kalium 600mg BD x 3/12

MA menyatakan yang beliau tinggal seorang diri semenjak kematian isterinya. MA adalah seorang penjual pakaian di pasar-pasar malam dan sering pulang lewat malam. MA mengaku bahawa akhir-akhir ini beliau tidak mengambil ubat disebabkan ubat-ubat itu boleh menyebabkan pening dan kerap membuang air kecil dan mengganggu pekerjaannya. Tetapi apabila ia mengambil ubat homeopati yang dicadangkan oleh rakannya, ia tidak lagi mengalami masalah tersebut.

MA juga beranggapan penyakitnya tidak terlalu serius dan ubat yang diberi oleh doktor itu tidak begitu berkesan.

(i) Nyatakan masalah kaunseling mengenai kes di atas.

( 6 markah)

(ii) Berikan pendekatan anda untuk mengkaunsel Encik MA

( 6 markah)

(B) Bandingkan kebaikan dan keburukan di antara 'decentralized' dan 'centralized' sistem unit dos.

(13 markah)

3. Encik AZ adalah seorang penghidap sindrom usus-pendek (short-gut syndrome) dan telah dirawat dengan TPN selama 3 bulan. Dua hari yang lepas, Encik AZ telah mengadu demam dan didapati suhu badannya 38.5 C. Kajian hematologi mendapati leukositosis.

(A) Terangkan langkah-langkah awal yang perlu dilakukan kepada Encik AZ.

( 7 markah)

(B) Terangkan langkah-langkah yang perlu diikuti untuk memberikan antibiotik intravena melalui saluran TPN.

( 8 markah)

(C) Demam pesakit telah sembah kira-kira 48 jam selepas langkah A di atas dilakukan. Terangkan kaedah untuk memulakan kembali TPN kepada Encik AZ.

( 5 markah)

(D) Dua hari kemudian Encik AZ mengalami hiperglisemia dengan RBS 20 mM/l. Terangkan 3 kaedah untuk mencegah hiperglisemia Encik AZ.

( 5 markah)

4. (A) Terangkan keperluan untuk bilik aseptik beraliran laminar kelas 100.

( 6 markah)

(B) Terangkan keperluan kabinet biohazard kelas 100 dan kaedah aliran kerja di dalamnya.

( 7 markah)

...5/-

(C) Terangkan pengertian berikut dengan memberikan contoh-contoh yang sesuai.

- (i) Ketakserasian fizikal
- (ii) Ketakserasian kimia
- (iii) Ketakserasian terapeutik/farmakologi
- (iv) Vesikan

(12 markah)

5. (A) Huraikan prosedur-prosedur mengikut Arahan Perbendaharaan yang paling sesuai untuk memperolehi ubat-ubatan berikut:

- (i) Injeksi Vankomisin sebanyak 2,000 vial dengan anggaran harga \$80.00 untuk 1 vial.
- (ii) Glibenklamid sebanyak 15,000 tablet dengan anggaran harga 20 sen untuk 1 tablet.
- (iii) Ampisilin sebanyak 300,000 kapsul dengan anggaran harga 5 sen untuk 1 capsule.

( 5 markah)

(B) Kamu menyediakan ubat titis mata Seftazidin empat hari tiap-tiap satu kumpulan. Huraikan pencucian, mengikut Amalan Perkilangan Baik, ke atas peralatan yang digunakan dalam sediaan itu selepas satu-satu kumpulan sele-sai disediakan.

( 5 markah)

(C) Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh pegawai farmasi untuk mengadakan perkhidmatan sistem unit dos di hospital yang mempunyai 8 wad.

( 5 markah)

(D) Huraikan perbezaan antara Rancangan Sekaliguna dengan Rancangan Tetap dengan memberikan satu contoh untuk setiap rancangan tersebut.

( 5 markah)

(E) Di dalam penyediaan tablet, ujian contoh-contoh dalam proses perlu diambil mengikut peringkat sediaan. Senaraikan peringkat-peringkat penyediaan di mana contoh perlu diambil untuk diuji dan ujian yang perlu dijalankan di setiap peringkat penyediaan itu.

( 5 markah)